



اوتنورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

GARIS PANDUAN PENGUNAAN DAN PERLESENAN CAP DAGANGAN UMPSA

KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKASURAT
1.0	Pengenalan	3
2.0	Tujuan	3
3.0	Tafsiran	4
4.0	Pernyataan Garis Panduan	4
5.0	Cap Dagangan Yang Didaftarkan Di MYIPO	6
6.0	Prosedur	6
7.0	Perlaksanaan Dan Penguatkuasaan	8
8.0	Pengecualian Royalti	9
9.0	Salah Guna Cap Dagangan	9
Lampiran 1 : Variasi Logo UMPSA		12

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah mendaftarkan nama dan logo rasminya sebagai Cap Dagangan. Nama dan Logo rasmi UMPSA dilindungi oleh Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815] dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019. Selaras dengan keperluan dalam perlindungan di bawah akta berkaitan, UMPSA akan menurunkan kuasanya kepada ejen perlesenan yang dilantik bagi melaksanakan tanggungjawab dalam menguruskan hal-ehwal penggunaan dan perlesenan Cap Dagangan UMPSA untuk tujuan tertentu mengikut perkhidmatan masing-masing.
- 1.2. UMPSA telah mengeluarkan satu Manual dan Garis Panduan Korporat Jenama UMPSA pada 17 April 2024. Garis panduan ini diwujudkan bagi memperincikan syarat dan proses penggunaan cap dagangan UMPSA oleh pihak luar bagi tujuan komersial dan hendaklah dibaca secara bersama dengan Garis Panduan Korporat Jenama UMPSA.
- 1.3. Garis panduan ini dikuatkuasakan ke atas semua jabatan, fakulti, entiti, staf, organisasi dan persatuan yang diiktiraf di dalam UMPSA.
- 1.4. Penguatkuasaan ke atas organisasi luar seperti pembekal, vendor dan syarikat-syarikat adalah melalui perjanjian perlesenan dengan UMPSA melalui Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (PIPT).

2.0 TUJUAN

- 2.1 Mewujudkan mekanisme sistematik bagi pemprosesan dan pemberian kelulusan untuk penggunaan nama, logo, dan Cap Dagangan rasmi UMPSA.
- 2.2 Memastikan kawalan berkesan terhadap penggunaan Cap Dagangan UMPSA, serta melindungi hak dan pemilikan harta intelek bagi mengelakkan penyalahgunaan cap dagangan UMPSA oleh mana-mana pihak.

- 2.3 Menyokong usaha melindungi imej, reputasi, dan kredibiliti UMPSA melalui penggunaan nama dan logo rasmi yang konsisten dengan garis panduan universiti.
- 2.4 Memastikan penggunaan Cap Dagangan UMPSA memberikan manfaat strategik termasuk menjana pendapatan melalui royalti yang sah dan menyokong promosi institusi secara mampan.
- 2.5 Mengawal dan memastikan produk yang menggunakan Cap Dagangan UMPSA memenuhi standard kualiti tinggi, sejajar dengan imej dan kedudukan UMPSA sebagai institusi terkemuka di peringkat tempatan dan antarabangsa.

3.0 TAFSIRAN

3.1 Cap Dagangan:

Sebarang tanda yang membezakan barangan dan perkhidmatan seorang peniaga daripada peniaga-peniaga lain dianggap sebagai Cap Dagangan. Cap Dagangan boleh terdiri daripada perkataan, logo, simbol, gambar, nama, huruf, nombor, atau gabungan unsur-unsur tersebut.

3.2 Cap Perkhidmatan:

Unsur-unsur asas yang sama seperti Cap Dagangan, tetapi digunakan untuk membezakan produk yang berasaskan perkhidmatan, bukan barangan fizikal.

3.3 Cap Dagangan UMPSA :

Sebarang tanda yang membezakan barangan dan perkhidmatan UMPSA daripada pihak lain yang boleh terdiri daripada perkataan, logo, simbol, gambar, nama, huruf, nombor, atau gabungan unsur-unsur tersebut sepertimana yang telah didaftarkan oleh Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (PIPT) dengan pihak MYIPO dan disenaraikan di Lampiran 1.

3.4 Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (PIPT) :

Pusat yang menguruskan aktiviti berkaitan Harta Intelek dan pemindahan teknologi.

3.5 Pusat Komunikasi Korporat (PKK)

Pusat sehenti komunikasi yang mengumpul, menerbit dan menyebarkan bahan berita.

3.6 UMPSA :

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

4.0 PERNYATAAN GARIS PANDUAN

4.1 Cap Dagangan UMPSA termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perkataan "UMPSA" dan logo rasminya.

4.1.1 Syarat Penggunaan

- i. Penggunaan nama atau logo UMPSA memerlukan kelulusan bertulis dan mematuhi garis panduan perlesenan serta Manual Korporat Universiti.
- ii. Permohonan bagi tujuan promosi atau komersial tertakluk kepada kelulusan, tempoh penggunaan terhad, dan sebarang kenakanan fi perlesenan dan/atau fi royalti.

4.2 Penggunaan Tidak Dibenarkan

Cap Dagangan UMPSA tidak boleh digunakan untuk tujuan tidak bermoral, menyalahi undang-undang, atau merosakkan reputasi UMPSA, termasuk promosi barangan terlarang, kegiatan jenayah, atau politik ekstrem.

4.2.1 Penguatkuasaan dan Tindakan

UMPSA berhak:

- i. Menghalang pihak yang menyalahgunakan Cap Dagangan.
- ii. Merampas barangan tidak sah yang menggunakan Cap Dagangan tanpa kebenaran.
- iii. Mengambil tindakan undang-undang bagi mendapatkan ganti rugi dan injunksi terhadap pelanggaran penggunaan Cap Dagangan UMPSA oleh mana-mana pihak.

5.0 CAP DAGANGAN YANG DIDAFTARKAN DI MYIPO

- 5.1 Nama UMPSA di dalam variasi berikut, "Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah," dan "UMPSA," serta logo rasmi UMPSA telah didaftarkan sebagai Cap Dagangan UMPSA. Perincian Cap Dagangan yang telah didaftarkan oleh UMPSA dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 5.2 Senarai Cap Dagangan UMPSA di **Lampiran 1** adalah tertakluk kepada perubahan berdasarkan pendaftaran cap dagangan yang dibuat oleh UMPSA dari semasa ke semasa.

6.0 PROSEDUR

- 6.1 Penggunaan Nama dan Logo untuk Tujuan Rasmi
 - i. Pihak yang diiktiraf dibenarkan untuk menggunakan nama serta logo UMPSA dalam urusan rasmi berkaitan pengurusan, akademik, dan aktiviti harian tanpa perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Universiti.
 - ii. Sebarang penggunaan nama dan logo UMPSA di luar tujuan rasmi, terutamanya bagi tujuan komersial atau promosi, memerlukan kebenaran bertulis daripada Pusat Komunikasi Korporat (PKK)

Universiti.

- iii. Fakulti, jabatan, atau mana-mana entiti di UMPSA yang ingin menghasilkan produk menggunakan nama atau logo Universiti untuk aktiviti tertentu perlu memastikan produk tersebut memenuhi panduan reka bentuk korporat seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Korporat Jenama UMPSA.
- iv. Penggunaan logo UMPSA, selain untuk tujuan rasmi, harus dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan hanya bagi tujuan yang telah mendapat kelulusan bertulis daripada pihak PKK Universiti.

6.2 Penggunaan Komersial

6.2.1 Penggunaan sebarang cap dagangan UMPSA untuk tujuan komersial merujuk kepada penggunaannya pada produk yang dihasilkan untuk dijual atau memiliki nilai komersial perlu merujuk Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (PIPT) termasuklah;

- i. Jualan secara borong kepada pengedar atau peruncit di dalam kampus;
- ii. Jualan langsung kepada pelanggan semasa pameran, ekspo, seminar, atau acara lain;
- iii. Jualan kepada orang awam dalam majlis rasmi seperti konvokesyen atau acara sukan;
- iv. Jualan oleh persatuan alumni atau pelajar untuk tujuan pengumpulan dana;
- v. Jualan kepada masyarakat umum bagi aktiviti amal yang telah mendapat kelulusan Universiti.

6.2.2 Penggunaan Komersial

- i. Mana-mana individu, entiti perniagaan, atau organisasi yang ingin menggunakan nama dan logo rasmi UMPSA untuk tujuan komersial perlu mendapatkan lesen penggunaan nama dan logo rasmi.

6.2.3 Sesuatu produk adalah tertakluk kepada royalti atau yuran sekiranya nama dan logo rasmi UMPSA digunakan dalam situasi berikut:

- i. Produk adalah untuk diperniagakan; atau
- ii. Produk tersebut mempromosikan acara atau majlis di mana yuran dikenakan kepada peserta; atau
- iii. Cap Dagangan, nama, simbol, atau logo pihak ketiga digunakan bersama nama dan logo rasmi UMPSA.

7.0 PERLAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN

7.1 Pemegang lesen perlu memaklumkan kepada UMPSA lokasi pengeluaran barangan dengan menyertakan alamat lengkap, nombor telefon, e-mel, dan nama pegawai syarikat yang boleh dihubungi. Pegawai atau wakil yang dilantik oleh Universiti berhak melakukan pemeriksaan ke atas pusat atau kilang pengeluaran vendor berlesen.

7.2 Untuk memastikan keberkesanan garis panduan ini, setiap produk yang dikeluarkan untuk Universiti (atau fakulti, jabatan, organisasi, atau kelab yang diiktiraf) yang menggunakan Cap Dagangan UMPSA (nama, simbol, lakaran grafik, dan logo rasmi) mesti dikeluarkan oleh Pembekal atau Vendor Berlesen.

7.3 Sebarang penggunaan Cap Dagangan UMPSA bagi tujuan komersial adalah tertakluk kepada terma dan syarat berhubung penggunaan dan pelesenan cap dagangan tersebut kepada pihak luar yang memohon

termasuk tetapi tidak terhad kepada berkenaan fi pelesenan cap dagangan serta fi royalti yang diluluskan oleh Universiti.

8.0 PENGECUALIAN ROYALTI

- 8.1 Kenaan fi pelesenan cap dagangan atau fi royalti boleh diberikan penggunaan Cap Dagangan UMPSA oleh pihak luar untuk tujuan mempromosikan program atau acara akademik dan pengajian, atau aktiviti-aktiviti lain yang memantapkan kecemerlangan akademik dan misi UMPSA tertakluk kepada kelulusan bertulis UMPSA.
- 8.2 Program akademik dan pengajian merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, kuliah, kursus, seminar, bengkel, dan aktiviti-aktiviti seumpamanya yang ditaja sepenuhnya oleh jabatan, fakulti, kolej, institut, bahagian, program, atau perkhidmatan di UMPSA.
- 8.3 Pengecualian royalti diberikan secara bertulis, namun sumber perolehan barangan yang berkaitan mestilah dari Vendor Berlesen.

9.0 PELANGGARAN DAN SALAH GUNA CAP DAGANGAN

- 9.1 Jenis-Jenis Penyalahgunaan dan Pelanggaran
 - i. Sebarang penggunaan cap dagangan UMPSA tanpa kelulusan bertulis UMPSA.
 - ii. Sebarang penggunaan nama, tanda atau logo yang serupa dengan Cap Dagangan UMPSA, dalam perjalanan perdagangan pihak luar tersebut, tanpa persetujuan UMPSA;
 - iii. Sebarang penggunaan nama, tanda atau logo yang serupa/hampir serupa dengan Cap Dagangan UMPSA, dan digunakan berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan yang hampir serupa dengan barang-barang atau perkhidmatan yang baginya cap dagangan UMPSA didaftarkan, tanpa persetujuan UMPSA serta menyebabkan kebarangkalian kekeliruan kepada orang awam.;

iv. Melakukan sebarang tindakan pelanggaran cap dagangan seperti yang diperincikan di bawah Seksyen 54 Akta Cap Dagangan 2019 seperti berikut:-

- Melakukan perubahan ke atas elemen cap dagangan UMPSA seperti warna, bentuk, atau reka bentuk tanpa persetujuan bertulis.
- Penggunaan cap dagangan UMPSA dalam konteks aktiviti yang tidak bermoral, melanggar undang-undang, atau bercanggah dengan nilai-nilai universiti.
- Melibatkan penggunaan cap dagangan pada produk atau perkhidmatan yang bertentangan dengan dasar universiti, seperti produk alkohol, tembakau, atau bahan lucah.
- Menggunakan cap dagangan UMPSA untuk menyokong gerakan politik, militan, atau kegiatan subversif tanpa kebenaran.

9.2 Implikasi Penyalahgunaan

Penyalahgunaan cap dagangan UMPSA boleh membawa kepada:

- i. Salah guna cap dagangan boleh merosakkan kredibiliti UMPSA sebagai institusi pendidikan yang dihormati.
- ii. Kehilangan peluang royalti daripada penggunaan yang tidak sah.
- iii. Tindakan oleh pihak UMPSA menurut Perkara 9.3 di bawah.

9.3 Tindakan Terhadap Penyalahgunaan Cap Dagangan

Seksyen 56 Akta Cap Dagangan 2019 memperuntukkan hak kepada UMPSA selaku pemilik Cap Dagangan UMPSA untuk mengambil tindakan perundangan terhadap sebarang perbuatan pelanggaran dan salah guna cap dagangan UMPSA oleh mana-mana pihak.

UMPSA berhak untuk mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang terlibat dalam salah guna cap dagangan secara pentadbiran dan secara perundangan. Tindakan ini adalah termasuk dan tidak terhad kepada seperti berikut:

- i. Pihak yang didapati melanggar atau menyalahguna Cap Dagangan UMPSA akan diberikan notis bertulis untuk menghentikan pelanggaran atau penyalahgunaan secara serta-merta (Cease and Desist Letter).
- ii. Sekiranya penyalahgunaan dilakukan oleh pihak yang mendapat pelesenan teknologi dan/atau Cap Dagangan dari UMPSA, pihak UMPSA berhak untuk membatalkan lesen dan sebarang hak yang diberikan kepada mereka secara serta merta tanpa sebarang pampasan.
- iii. UMPSA berhak untuk memulakan prosiding Mahkamah terhadap mana-mana orang yang telah melanggar atau sedang melanggar Cap Dagangan UMPSA serta untuk mendapatkan relief seperti perintah injunksi tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah yang termasuk untuk menghalang barang-barang yang melibatkan pelanggaran daripada memasuki saluran perdagangan, ganti rugi, akaun keuntungan dan pemulihan kerugian akibat penyalahgunaan.
- iv. Produk atau barangan yang menggunakan cap dagangan UMPSA secara tidak sah boleh dirampas oleh pihak berkuasa.
- v. UMPSA berhak untuk membuat kenyataan awam mengenai salah guna bagi memberi amaran kepada pihak lain.

LAMPIRAN 1 : VARIASI LOGO UMPSA

Logo Rasmi UMPSA



Warna penuh / full color



Tulisan putih bagi
latar belakang gelap



Grayscale



Satu warna / hitam putih

Logo UMPSA

Kenderaan dan bangunan



Warna penuh / full color



Tulisan putih bagi
latar belakang gelap



Grayscale



Satu warna / hitam putih

Logo UMPSA

Produk cenderamata



Warna penuh / full color



Tulisan putih bagi latar belakang gelap



Grayscale



Satu warna / hitam putih

Logo UMPSA

Logo tanpa tulisan



Warna penuh / full color



Grayscale



Satu warna / hitam putih

Biru:

- C:100%
- M:83%
- Y:12%
- K:0%

Pantone 286C
#11458C

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

Hijau Firus:

- C:80%
- M:15%
- Y:40%
- K:0%

Pantone 326C
#0A9EA2

اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبدالله

اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبدالله

Kelulusan Mesyuarat Senat Ke-231 Bil. 2/2025 26 Mac 2025

Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan Pahang Darul Makmur